

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH: 17 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) bilangan terkini Orang kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dan bilangan dalam kalangan mereka yang menyertai program latihan kemahiran yang disediakan ; dan
- (b) bidang-bidang latihan kemahiran yang disediakan dan bilangan pusat-pusat latihan awam dan swasta yang disediakan latihan tersebut.

PR-1323-L63866

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mentauliahkan beberapa program latihan kemahiran yang dijalankan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ini.

2. Bilangan terkini OKU yang berdaftar sebagai pelatih di tiga (3) buah pusat latihan kemahiran yang ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliahan (PB) telah membuat pengambilan pelatih OKU berjumlah 661 orang dari tahun 2012 sehingga 2014. Pusat latihan berkenaan adalah :-

- i. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura
- ii. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Shah Alam
- iii. Pusat Latihan Gurney

(b) Tuan Yang Di Pertua,

3. KSM melalui Jabatan Tenaga Manusia menawarkan latihan kemahiran kepada OKU yang bersesuaian di pusat latihan di seluruh Negara. Dari tahun 2007 sehingga pengambilan Julai 2014, seramai 115 orang pelajar OKU telah menjalani latihan di semua 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran seperti Mekanikal dan Pengeluaran, Elektrikal dan Elektronik, ICT, Sivil dan Bangunan, Bukan Logam dan Percetakan mengikut kesesuaian pelajar OKU tersebut.

4. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai sebuah institusi yang menyediakan latihan vokasional kepada OKU Fizikal iaitu Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi. Institusi ini ditubuhkan pada tahun 1999 dan pada ketika ini menawarkan 10 jenis kursus iaitu:

Jadual 1: Jenis latihan vokasional kepada OKU Fizikal di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi.

Bil	Kursus	Tempoh
i.	Kursus Pembantu Tadbir Sistem Maklumat	12 bulan
ii.	Kursus Elektrik	12 bulan
iii.	Kursus Rekaan Fesyen dan Jahitan	12 bulan
iv.	Kursus Elektronik	12 bulan
v.	Kursus Komputer	12 bulan
vi.	Kursus Jahitan	12 bulan
vii.	Kursus Pembuatan Anggota Tiruan (Prostetik dan Orthotik)	24 bulan
viii.	Kursus Pembuatan Kerusi Roda	24 bulan
x.	Kursus Lukisan	12 bulan
xi.	Kursus Membatik	12 bulan

Tuan Yang Di Pertua,

4. Intitut Tadbir Awam Malaysia turut menyediakan Program-program latihan seperti kursus, bengkel, seminar, persidangan dan sebagainya terbuka kepada semua penjawat awam tanpa mengira golongan. Kemudahan latihan yang disediakan oleh INTAN juga adalah sesuai digunakan oleh semua golongan penjawat awam termasuk penjawat awam yang berstatus Orang Kurang Upaya (OKU). Laluan-laluan khas dan parkir khusus serta lif bertulisan

braille disediakan bagi kemudahan warga OKU tidak kira sama ada mereka sebagai peserta mahupun pelawat INTAN.